

From: Pusat Kesihatan
Sent: 15 Mei 2016 13:39
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Wan Zarina bt. Wan Mahmud; Dr. Rabi'ah Binti Abdul Ghani
Subject: GOTONG-ROYONG PERDANA PKUUM/MDUUM SEMPENA PENILAIAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE)



Pusat Kesihatan Universiti
UNIVERSITY HEALTH CENTRE
Universiti Utara Malaysia



Visit us on
Facebook
PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, SINTOK, KEDAH
www.facebook.com/pkuum

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

GOTONG-ROYONG PERDANA PKUUM/MDUUM SEMPENA PENILAIAN AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE)

Oleh : Sakinah Sabudin

Gambar : Ahmad Rasul Ahmad Tajuddin



Bersempena Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) yang akan bermula pada 17 Mei ini, PKUUUM/MDUUM telah menganjurkan Gotong-Royong Perdana 5S selama dua hari bermula Khamis lalu.

Gotong – royong yang bermula pada pagi Khamis lalu telah dilanjutkan sehingga Ahad hari ini bagi membersihkan kawasan sekitar PKUUUM/MDUUM serta mencantikkan seluruh unit dan kawasan yang terdapat di PKUUUM/MDUUM.

Gotong-royong yang diketuai oleh En. Azizan Ali selaku biro promosi dan penerbitan bagi Ahli Jawatankuasa 5s PKUUUM itu telah mendapat kerjasama yang menggalakkan daripada semua kakitangan PKUUUM/MDUUM.

“Seronok bila kita buat gotong-royong macam ni. Semua akan rasa semangat untuk bersaing. Masing-masing berlawan untuk mencantikkan kawasan masing-masing.” Ujar beliau sambil meneruskan kerja-kerja pembersihan kawasan sekitar PKUUUM/MDUUM.

Biarpun masing-masing sibuk dengan tugas hakiki dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada semua warga UUM, namun semangat membudayakan amalan 5s tetap berkobar-kobar di kalangan kakitangan PKUUUM/MDUUM. Senggang masa yang ada digunakan sebaik mungkin bagi menghias ruang kerja menjadi cantik, bersih dan kemas.

Gotong-royong Perdana 5s PKUUUM/MDUUM ini adalah sebahagian daripada usaha Jawatankuasa 5s PKUUUM dalam menyokong pembudayaan 5s di peringkat universiti serta menggalakkan prinsip sentiasa amal yang menjadi tunjang keberkesanan pelaksanaan amalan 5s di peringkat PKUUUM/MDUUM.

Pada ketika ini, semua kakitangan PKUUUM/MDUUM masih giat mencantikkan unit serta ruang kerja masing-masing. Tidak meletakkan harapan yang tinggi dalam Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/QE) pada tahun ini, namun semangat pembudayaan 5s yang berkobar-kobar di kalangan kakitangan PKUUUM/MDUUM sudah cukup untuk membuktikan tanda sokongan kami kepada pembudayaan 5S universiti.

Ucapan terima kasih daripada Jawatankuasa 5s PKUUUM dihulurkan kepada semua kakitangan PKUUUM/MDUUM yang bertungkus lumus menjayakan gotong-royong ini.

Lagi gambar - <https://www.facebook.com/pkuuum>

“Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.” (Please don’t print this e-mail unless necessary).

Unit Promosi Kesihatan

Pusat Kesihatan Universiti

Universiti Utara Malaysia

TEL : 04-9282456/2460

FAX : 04-9282450

TALIAN KECEMASAN 24 JAM 013-5930028

Email Pusat : medic@uum.edu.my

Group Email : medicnet@uum.edu.my

Website : www.medic.uum.edu.my

Facebook : www.Facebook.com/pkuuum

